



The Observer

Deloitte sedang menganjurkan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik yang julung-julung kali diadakan untuk mendapatkan pandangan tentang sikap dan keupayaan rantau ini terhadap tukang adu ('whistleblowing'). Pengurusan Kanan, 'C-Suite' (eksekutif berpangkat tinggi ('Chief') dalam organisasi) atau individu dalam Lembaga Pengarah yang mempunyai tanggungjawab atau pengawasan berkaitan tukang adu adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Keputusan tinjauan ini akan diterbitkan pada 23 Jun 2023 dalam Laporan Soal Selidik Conduct Watch Asia Pasifik 2023.



Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR untuk mengakses soal selidik tersebut.

07.04.2023

❖ Pelaksanaan AGM memerlukan penambahbaikan

Bulan April menandakan permulaan musim mesyuarat agung tahunan (*annual general meetings*, AGM) yang sibuk. Seperti biasa, MSWG menggalakkan pemegang saham supaya menghadiri AGM, kerana ia menyediakan peluang kepada mereka untuk memberikan maklum balas dan melontarkan pertanyaan yang berkaitan prestasi operasi dan kewangan dan apa-apa perkembangan atau isu utama lain yang memberi kesan terhadap syarikat.

Pemegang saham perlu mengambil bahagian secara aktif dalam sesi Soal Jawab (*Questions and Answers*, Q&A) dengan bertanyakan soalan dan menyelidik dengan teliti setiap maklum balas yang diberikan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan sebelum membuat keputusan termaklum mengenai pelaburan mereka.

Oleh yang demikian, kami percaya syarikat awam tersenarai, (*public limited companies*, PLC) boleh menambah baik pelaksanaan AGM mereka pada tahun ini dengan menggabungkan amalan berikut:

- Pengenalan kepada barisan pengurusan kanan
- Pembentangan multimedia mengenai prestasi perniagaan tahunan
- Paparan soalan pemegang saham pada skrin untuk manfaat semua peserta sewaktu mesyuarat berlangsung (Untuk mesyuarat maya dan hibrid)

Pengenalan kepada barisan pengurusan kanan

Berdasarkan pemerhatian kami, daripada 382 AGM yang kami hadiri pada tahun 2022 (yang terdiri daripada mesyuarat fizikal, maya dan hibrid), hanya 46% daripadanya mengadakan sesi memperkenalkan pengurusan kanan.

PLC digalakkan supaya memperkenalkan kakitangan pengurusan utama sewaktu AGM dijalankan contohnya, ketua pegawai eksekutif (CEO), ketua pegawai kewangan (CFO), ketua pegawai operasi (COO) dan pengarah kewangan. PLC yang besar dengan berbilang anak syarikat boleh memperkenalkan ketua anak syarikat masing-masing sewaktu AGM.

Sorotan prestasi perniagaan

Taklimat mengenai prestasi perniagaan syarikat secara keseluruhan adalah satu lagi aspek penting namun sering ditinggalkan dalam AGM. Walhal AGM adalah peluang sekali dalam setahun untuk para pemegang saham mengetahui lebih lanjut mengenai PLC.

Pembentangan multimedia yang jelas dan ringkas adalah cara yang berkesan untuk menyampaikan maklumat kepada para pemegang saham bagi meluaskan lagi pengetahuan mereka tentang syarikat dan perniagaannya.

Pembentangan yang mengetengahkan pencapaian dan cabaran utama yang dihadapi oleh syarikat dapat mendorong keterlibatan pemegang saham yang membina dan berkesan.

Walau bagaimanapun, kurang daripada separuh (43% daripada 382 AGM) membentangkan prestasi perniagaan tahunan mereka kepada para pemegang saham melalui pembentangan multimedia atau yang seumpamanya. Selalunya, sesi ini disertakan dengan carta, jadual, gambar dan video untuk membentangkan fakta atau angka yang rumit kepada visual yang mudah difahami dan dihadam.

Kesempatan ini sepatutnya digunakan oleh Lembaga Pengarah untuk memanfaatkan sepenuhnya kehadiran kakitangan pengurusan utama dalam AGM untuk memberikan sesi taklimat ringkas kerana mereka adalah orang yang menjalankan perniagaan harian syarikat.

Sesetengah syarikat mungkin mempertikaikan, bahagian analisis dan perbincangan pengurusan dalam laporan tahunan sudah cukup untuk menerangkan urusan perniagaan dan operasi. Namun, lebih baik jika lembaga dapat mengemas kini cabaran dan prospek semasa kerana beberapa bulan sudah berlalu sejak tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan dimuktamadkan. Jika PLC menganggap sesi itu memakan masa, mereka boleh memilih untuk mengadakan pembentangan ringkas dan menyampaikannya dalam tempoh masa yang mereka tetapkan.

Pembentangan soalan pemegang saham pada skrin

Ketelusan adalah penting dalam AGM terutama apabila ia melibatkan mesyuarat secara maya. Kami mendapati hanya 62% daripada 295 AGM maya dan hibrid yang kami hadiri ada memaparkan soalan pemegang saham pada skrin.

PLC digalakkan untuk memaparkan soalan pemegang saham pada skrin semasa mesyuarat dijalankan (untuk AGM maya dan hibrid) supaya dapat dimanfaatkan oleh semua peserta. AGM maya perlu dilaksanakan seperti AGM fizikal semirip yang mungkin.

PLC mungkin keberatan untuk memaparkan soalan kontroversi atau yang tidak diingini yang dibangkitkan oleh pemegang saham atau mungkin mahu memendekkan sesi Soal Jawab. Walau bagaimanapun, tindakan sedemikian menunjukkan ketidaktelusan selain mengurangkan masa untuk pemegang saham mengemukakan soalan dalam AGM.

Soalan pemegang saham lebih baik jika disiarkan secara 'live' (langsung) dan bukannya dikumpul dan dipilih oleh pemudah cara (moderator). Jika soalan dipilih oleh pemudah cara, terdapat risiko mereka mungkin tidak mengemukakan soalan tertentu yang relevan walaupun sensitif kepada Lembaga Pengarah untuk menjawabnya.

PLC perlu mempertimbangkan untuk melaksanakan amalan terbaik di atas untuk AGM mereka yang akan datang.

Norhisam Sidek
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 10 hingga 14 April 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
10.04.23 (Isnin) 10.00 pagi	Systech Bhd (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk dua cadangan berikut iaitu: <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan pemerolehan 80% kepentingan ekuiti dalam TalentCloud AI Sdn Bhd, dengan harga RM14.4 juta - Cadangan pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti Syarikat dalam Syscotech Sdn Bhd, Mobysys Sdn Bhd, Techcasys Sdn Bhd, Syscotech Inc. dan Syscode Sdn Bhd untuk RM6.6 juta.
12.04.23 (Rabu) 11.00 pagi	KPJ Healthcare Berhad (EGM)	KPJ Healthcare berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pelupusan dua bidang tanah pegangan bebas kosong di Queensland, Australia oleh anak syarikat tidak langsungnya iaitu Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd pada

		<p>harga AUD6.5 juta (bersamaan RM19.6 juta).</p> <p>Pelupusan yang dicadangkan itu bertujuan mengumpulkan dana untuk menyelesaikan beberapa situasi kewangan Jeta Gardens, termasuk menambah baik modal kerja.</p>
12.04.23 (Rabu) 11.00 pagi	LPI Capital Bhd (AGM)	<p>LPI mencatatkan pendapatan operasi yang lebih rendah selepas mengalami pertumbuhan sepanjang sepuluh tahun berturut-turut, kepada RM1.66 bilion pada tahun kewangan 2022 berbanding RM1.72 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan dalam premium kasar dan pendapatan dividen yang diterima.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, Lembaga Pengarah tetap yakin LPI akan meneruskan aliran pertumbuhan positif pada tahun 2023 walaupun berdepan cabaran seperti liberalisasi berperingkat, peningkatan kos tuntutan dan insurans semula.</p>
13.04.23 (Khamis) 10.00 pagi	CIMB Group Holdings Berhad (AGM)	<p>CIMB mencatatkan keputusan yang membanggakan pada tahun kewangan 2022 dengan peningkatan 26.7% dalam untung bersih kepada RM5.44 bilion walaupun terdapat peningkatan kecil sebanyak 1.7% dalam jumlah pendapatan operasi kepada RM19.84 bilion.</p> <p>Keputusan kewangan yang kukuh itu didorong oleh pertumbuhan pinjaman kasar sebanyak 7.7% dan peruntukan yang lebih rendah yang dibuat ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan berjumlah RM1.95 bilion berbanding RM2.6 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Walaupun dijangkakan berlaku kelembapan ekonomi dalam ekonomi global utama, contohnya, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, CIMB kekal optimis namun</p>

		tetap berwaspada sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang positif dalam negara dan segmen operasi utamanya.
13.04.23 (Khamis) 11.00 pagi	Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	<p>Jumlah penghantaran yang tinggi yang didorong oleh permintaan perabot secara global yang berdaya tahan, berpunca daripada norma baharu bekerja dari rumah. Justeru, Kumpulan mencatatkan lonjakan yang ketara dalam pendapatan berjumlah RM703.2 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding RM554.7 juta pada tahun kewangan lepas.</p> <p>Kumpulan melaporkan peningkatan dalam untung bersih sebanyak RM84.1 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM32.2 juta pada tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh kadar penggunaan buruh dan loji yang lebih baik serta keuntungan daripada pertukaran matawang asing.</p>
13.04.23 (Khamis) 11.00 pagi	Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan melonjak sebanyak 13% kepada RM1,651.6 juta berikutan pemulihan dalam kedua-dua segmen Kejuruteraan Berat dan Marin apabila kekangan berkaitan pandemik semakin berkurangan. Kumpulan juga berjaya memperoleh beberapa kontrak besar termasuk projek Kasawari Carbon Capture & Storage (CCS) pertama di dunia yang melonjatkan buku pesanan MHB kepada RM6.6 bilion, jumlah tertinggi pernah direkodkan.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
KPJ Healthcare Berhad (EGM)	<p>Cadangan pelupusan tanah akan mengumpulkan hasil tunai berjumlah AUD6.5 juta, yang mana Jeta Gardens berhasrat untuk menggunakan AUD2.42 juta untuk pembayaran balik kemudahan perbankan dan AUD3.96 juta untuk membiayai modal kerja am (Halaman 6 daripada Pekeliling).</p> <p>Bagi tiga tahun kewangan yang lalu dari tahun 2019 hingga 2021, Kumpulan Jeta mencatatkan rugi sebelum cukai antara AUD3.98 juta hingga AUD6.14 juta setahun. Pada penghujung</p>

	<p>Disember 2021, Kumpulan Jeta mengalami defisit dalam modal kerja, dengan liabiliti semasa melebihi aset semasa sebanyak AUD15.25 juta (halaman 7, Pekeliling).</p> <p>a) Bagaimanakah kedudukan kewangan Jeta Gardens bagi tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Adakah dana yang diperolehi daripada pelupusan tanah itu mencukupi untuk memenuhi keperluan kewangan segera Jeta Gardens dan dapat menyokong pertumbuhannya untuk jangka panjang atau adakah Kumpulan memerlukan pembiayaan tambahan dalam masa terdekat?</p> <p>c) Apakah nilai tanah apabila dilupuskan berbanding dengan potensi nilainya pada masa depan? Adakah dengan memegangnya lebih bermanfaat dalam jangka masa panjang?</p> <p>d) Adakah terdapat potensi kelemahan daripada pelupusan tanah ini? Sebagai contoh, adakah penjualan tanah tersebut boleh menjejaskan keupayaan Jeta Gardens untuk membangunkan lebih banyak kemudahan persaraan dan penjagaan warga emas pada masa hadapan?</p>
<p>LPI Capital Bhd (AGM)</p>	<p>LPI mencatatkan pendapatan operasi yang lebih rendah selepas mengalami pertumbuhan selama sepuluh tahun berturut-turut, iaitu RM1.66 bilion berbanding RM1.72 bilion pada tahun kewangan 2021. Penurunan ini disebabkan oleh premium kasar dan pendapatan dividen yang lebih rendah.</p> <p>Namun begitu, Lembaga Pengarah tetap yakin LPI akan meneruskan aliran pertumbuhan pada tahun 2023.</p> <p>Apakah pemangkin untuk memulihkan kembali prestasi LPI selepas keputusan yang suam-suam kuku pada tahun kewangan 2022, memandangkan kita bakal menghadapi keadaan makro ekonomi dan persekitaran operasi yang mencabar pada masa hadapan?</p>
<p>CIMB Group Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan dalam penelitian terhadap cara bank-bank menjalankan aktiviti pemberian pinjaman mereka. Disebabkan itu, beberapa bank utama menghadapi tuduhan acah hijau (<i>greenwashing</i>) kerana mereka secara aktif mempromosikan inisiatif hijau namun pada masa yang sama menyembunyikan maklumat tentang pembiayaan mereka yang masih diteruskan kepada syarikat-syarikat dengan jejak karbon yang tinggi.</p> <p>a) Bagaimanakah Bank berwaspada terhadap aktiviti yang bersifat <i>greenwashing</i>?</p> <p>b) Selepas mencapai sasaran RM30 bilion lebih awal daripada yang dijadualkan, Bank kini mensasarkan untuk</p>

	<p>menggandakan komitmen kewangan mampannya kepada RM60 bilion menjelang tahun 2024.</p> <p>Bagaimanakah Bank mengesan penggunaan wang pembiayaan? Bagaimanakah Bank memastikan pelanggannya menggunakan kemudahan pembiayaan mengikut tujuan yang dimaksudkan dan penggunaannya sejajar dengan matlamat kemampanan Bank?</p> <p>c) Bagaimanakah Bank mengesahkan atau memperakukan bahawa pinjaman/ pembiayaan/ pelaburan yang berfokuskan dalam sekitar, sosial dan tadbir urus (<i>environment, social and governance, ESG</i>) ini menepati janji mereka? Adakah terdapat pengesahan sedemikian yang dibuat secara bebas dan/ atau diperakui oleh pihak luar?</p>
Poh Huat Resources Holdings Berhad (AGM)	Dari tahun kewangan 2018 hingga tahun kewangan 2021, margin bagi untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) POHUAT kekal di bawah 10%. Apakah yang menyebabkan kenaikan luar biasa dalam margin PBT pada tahun kewangan 2022 iaitu sebanyak 15.1%? Bolehkah syarikat mengekalkan margin PBT dua digit pada masa hadapan?
Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (AGM)	<p>Prestasi Kumpulan terkesan oleh harga keluli yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam Perutusan Pengerusi. (Halaman 21, Laporan Tahunan Bersepadu).</p> <p>a) Apakah kesan harga keluli yang tinggi terhadap margin untung kasar Kumpulan pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil untuk menangkis kesan kenaikan harga keluli?</p> <p>c) Mampukah Kumpulan melepasi harga keluli yang tinggi dalam kontrak yang diperolehi?</p> <p>d) Apakah prospek harga keluli pada tahun kewangan 2023?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.